

**Bimbingan Berterusan dan Pementoran Penting Untuk Usahawan Wanita Berjaya -
Rosmah
Bernama
Jun 6, 2014**

PARIS, 6 Jun (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Malaysia, Datin Seri Rosmah Mansor berkata bimbingan berterusan dan pementoran untuk wanita muda penting dalam menjadikan mereka usahawan yang berjaya.

Beliau berkata wanita muda perlu mendapat pendedahan kepada dinamik keusahawanan dan bersedia untuk mengambil risiko dan melakukan sesuatu dengan cara berbeza.

"Kami perlu terus membimbing dan menjadi mentor kepada wanita muda supaya mereka boleh mengambil alih kepimpinan dengan keyakinan, menyerlahkan potensi mereka dan merapatkan jurang ketidaksamaan ekonomi.

"Mereka memerlukan pementoran sama ada di dalam dan luar negara dalam bidang yang mereka minat. Selain itu, mereka perlu menjalin rangkaian dengan usahawan wanita yang berjaya mencatatkan kejayaan supaya dapat mempelajari dan mengikut jejak langkah mereka," katanya kepada media Malaysia di sini semalam.

Terdahulu, Rosmah menyampaikan kerusi Persidangan Wanita Antarabangsa (GSW) kepada Menteri Sukan, Bandar, Belia dan Wanita Perancis Najat Vallaud-Belkacem di sini.

Turut hadir Perdana Menteri Perancis Manuel Valls, Presiden dan Pengasas Persidangan Wanita Antarabangsa Irene Natividad, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Rohani Abdul Karim dan Duta Malaysia ke Perancis Tan Sri Ismail Omar.

Di Malaysia, beliau berkata Talent Corporation Malaysia Bhd membantu wanita menutup jurang kemahiran selain daripada membangunkan kemahiran kepimpinan dan keyakinan menerusi proses pementoran oleh pemimpin perniagaan atau industri utama.

"Perbadanan Perusahaan Kecil Sederhana menggalakkan wanita mendaftarkan perniagaan mereka dan menggunakan program dan kemudahan kerajaan untuk

meningkatkan perniagaan," katanya.

Beliau berkata wanita sepatutnya memanfaatkan keusahawanan dan inovasi untuk mereka semula ekonomi dan masyarakat dengan capaian sejagat.

Rosmah menggesa GSW supaya terus menawarkan manfaat yang besar kepada usahawan wanita.

"Setiap tahun ia menyediakan peluang untuk tindakan bersama supaya pembuat polisi mendengar kepada bakat-bakat daripada 50 peratus penduduk dunia.

"Kepentingannya ialah perumusan dan pelaksanaan polisi-polisi yang menyokong kemajuan wanita.

Inisiatif itu akan memberi kesan yang meluas terhadap ekonomi global dan pasti akan meningkatkan daya saing kami," katanya.

Rosmah juga menggesa para peserta untuk memanfaatkan sebaik-baiknya platform ini untuk bertukar pengalaman, strategi dan idea inovatif yang mampu membawa perubahan positif dengan cara yang paling berkesan, cekap dan cepat.

"Pemimpin wanita daripada pelbagai latar belakang termasuk ahli politik wanita berpengaruh, pegawai kerajaan, pemimpin korporat, usahawan, ahli akademik selain daripada golongan belia dan masyarakat luar bandar boleh menguatkan antara satu sama lain menerusi dialog dan jaringan yang bermakna, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1044111>